



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a) - GAJI HARI**


**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI**

**PENASIHAT UNDANG-UNDANG (B.2 EB.3)  
PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 04 JANUARI 2023  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 18 JANUARI 2023  
BILANGAN IKLAN: 2022/DEC/27**

**PERATURAN 7(a) – GAJI HARI**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



## IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**GH. PENASIHAT UNDANG-UNDANG  
PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

### **KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang (*LLB*) atau bidang bersesuaian.
2. Mempunyai kelulusan profesional seperti *Barrister-At-Law* atau *Solicitor* atau *Certificate in Legal Practice* atau sebanding yang diiktiraf sebagai *Qualified Person* sepertimana yang terkandung di dalam Akta Ikhtisas Peguam (Penggali 132) dan mana-mana Peraturan di bawahnya.
3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
4. Berkebolehan dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Penasihat kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai perkara Undang-Undang domestik dan antarabangsa;
2. Menjalankan pendakwaan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
3. Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mana-mana tindakan Sivil;
4. Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mesyuarat-mesyuarat perbincangan perjanjian-perjanjian antarabangsa;



5. Menggubal dan menyelidik Undang-Undang;
6. Menjalankan tugas sebagai Pendaftar di bawah Undang-Undang yang ditadbir oleh Pejabat Peguam Negara; dan
7. Bertanggungjawab ke atas kerja-kerja lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.